

Sejarah Sekolah SMK KANGKUNG

Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1965 dengan nama asal **Sekolah Menengah Rendah Kangkong**. Pengetua yang pertama ialah **Tuan Hj. Wan Yusoff bin Wan Salleh**. Pelajar-pelajarnya datang daripada sekolah-sekolah rendah sekitar iaitu **SK Kangkong, SK Kelar, SK Kubang Chenok, SK Cabang Tiga Chetok** dan **SK Bendang Pauh**. Oleh kerana tiada bangunan sendiri, mereka belajar sebelah petang dengan menumpang di SK Kangkong. Pada tahun-tahun awal penubuhannya, kelas-kelas dibuka untuk tingkatan 1 hingga 3 sahaja. Selepas tamat tingkatan 3, para pelajar disalurkan ke Sekolah Menengah Tengku Panglima Raja dalam bidang sains dan sastera.

Pada tahun 1972, Sekolah Menengah Kangkong telah mempunyai bangunan sendiri iaitu sebanyak 2 blok bangunan. Ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar belajar pada sesi pagi. Seterusnya pada tahun 1982, sekolah ini mendapat 1 blok bangunan satu tingkat yang terdiri daripada 8 buah bilik darjah dan 2 buah bilik makmal. Pada tahun 1989, sekolah ini mendapat 3 blok bangunan tambahan yang mengandungi 11 buah bilik darjah. Untuk menampung pertambahan pelajar yang meningkat dari setahun ke setahun, sekolah ini mendapat tambahan 2 blok bangunan 3 tingkat, 1 blok bangunan 2 tingkat serta sebuah bengkel kemahiran hidup yang siap dibina pada tahun 2000.

Pada **tahun 1991, kelas tingkatan 4 sastera telah dibuka di sekolah ini**. Pada tahun 1992, pelajar-pelajar ini telah mengambil peperiksaan SPM kali pertama di sekolah ini. Bagi pelajar aliran sains, masih meneruskan pengajian mereka dalam tingkatan 4 di SMK Tengku Panglima Raja, Lemal. Pada tahun 1993, barulah kelas aliran sains dibuka untuk pelajar-pelajar tingkatan 4 dan peperiksaan SPM aliran sains bermula pada tahun 1994.

Sejak sekian lama sekolah ini ditubuhkan, belum lagi mempunyai majalah sekolah untuk mengisi karya dan laporan aktiviti-aktiviti para pelajar. Keadaan ini telah berubah pada tahun 2000 apabila majalah sekolah diterbitkan dengan judul "Teraju".

Perkembangan pendidikan di SMK Kangkong maju setapak lagi apabila kerajaan telah meluluskan pembukaan kelas tingkatan 6 (pra universiti) pada tahun 2004. Pelajar sulungnya mengambil peperiksaan STPM pada tahun 2005.

This document was created with Win2PDF available at <http://www.win2pdf.com>.
The unregistered version of Win2PDF is for evaluation or non-commercial use only.
This page will not be added after purchasing Win2PDF.